

PERHATIKAN
PLEASE NOTE **EMBARGO**

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan sebelum
pukul 9.00 malam pada 26.9.77

UCAPAN DR. MAHATHIR DI MAJLIS MAKAN MALAM
ULANGTAHUN KE 80 S.M.J.K. PEREMPUAN METHODIST

UCAPAN Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran di Majlis Makan Malam Bersempena Sambutan Hari Ulangtahun ke 80 Sekolah Menengah Perempuan Methodist (Jenis Kebangsaan) di Hotel Hilton, Kuala Lumpur pada 26hb. September, 1977 jam 8.00 malam.

Terlebih dahulu saya dan bagi pihak isteri saya mengucapkan sebanyak terimakasih kepada ahli-ahli Lembaga Pengurus Persatuan Ibubapa Guru-guru Sekolah ini serta murid-muridnya kerana telah sudi menjemput kami berdua hadir bersama di Majlis yang meriah lagi bersejarah ini bersempena dengan sambutan Ulangtahun ke 80 sekolah ini. Saya dan isteri saya merasa amat sukacita dan bangga atas jemputan ini, lebih-lebih lagi apabila dapat peluang bertemu muka dan beramah mesra terutama dengan guru-guru dan kakitangan sekolah ini dan tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Sebagaimana termaklum bahawa tugas sekolah yang utama ialah memberi bimbingan kepada murid-muridnya di bidang pelajaran dan pendidikan. Kita tidak dapat menafikan bahawa dalam tempoh 80 tahun semenjak sekolah ini ditubuhkan beratus-ratus orang terdiri dari kaum wanita telah menerima pelajaran asas dari sekolah ini. Samada mereka miskin atau kaya dari berbagai kaum dan ugama, semuanya telah mendapat bimbingan yang sewajarnya semasa mereka menjadi murid di sekolah ini. Hasil dari pelajaran asas yang mereka terima dari sekolah ini di bawah pimpinan dan bimbingan guru-guru besarnya yang berkelayakan dan berkebolehan dan guru-guru yang sentiasa berkhidmat dengan penuh semangat dedikasi dan tanggungjawab, ramai bekas-bekas pelajar sekolah ini telah berjaya dalam lapangan hidup masing-masing sungguhpun ada juga yang kurang berjaya di dalam hidup mereka. Tetapi apa yang harus kita sama-sama sedar ialah pada keseluruhannya sekolah ini telah banyak memberi sumbangan dan jasa kepada masyarakat dan negara terutama kepada mereka yang pernah menjadi penuntut di sekolah ini.

Oleh yang demikian sewajarnya pada hari dan malam yang berbahagia ini kita semua terutama yang telah mendapat pelajaran asas dari sekolah ini berasa bangga dan memberi setinggi penghargaan atas sumbangan dan jasa yang telah diberi oleh sekolah ini di bidang pelajaran dan pendidikan. Penghargaan harus kita berikan kepada guru-guru yang telah berkhidmat di sekolah ini dengan cemerlang pada masa-masa yang lalu. Dan janganlah kita lupakan menyebutkan penghargaan kepada guru besarnya sekarang dan guru-guru serta kakitangan yang lain yang masih berpegang teguh kepada tradisi sekolah ini iaitu sentiasa berkhidmat dengan penuh kejujuran, dedikasi dan tanggungjawab demi kepentingan kemajuan pelajaran murid-muridnya.

(tambahan)

Sesungguhnya ~~sebuah~~ sekolah tidak dapat maju dengan usaha guru-guru besarnya sahaja. Banyak lagi yang diperlukan seperti sokongan dan kerjasama dari ibubapa dan masyarakat serta pimpinan dan bimbingan dari badan pentadbir sekolah itu sendiri seperti Lembaga Sekolah dan sebagainya.

Saya merasa sukacita ibubapa dan masyarakat sentiasa memberi kerjasama dan sokongannya kepada sekolah ini dalam berbagai bentuk. Demikian juga saya difahamkan pihak Lembaga Pengelola dan PIBG sekolah ini adalah sentiasa memberi perhatian yang berat terhadap kemajuan sekolah ini.

Sepertimana termaklum sambutan pada malam ini adalah juga bertujuan untuk memungut derma bagi projek bangunan **tambahan** makmal sains dan bilik-bilik darjah bagi Tingkatan Enam sekolah ini. Kerajaan amat menghargai sebarang penglibatan orangramai di dalam usaha seperti dijalankan ini oleh kerana bukannya Kerajaan hendak lari dari tanggungjawabnya tetapi penglibatan dan kerjasama dari orangramai merupakan **satu amalan** yang baik dan patut dicontohi dan digalakkan. Saya berbangga kerana dalam masyarakat kita orang yang berada biasanya menghulurkan sumbangan dengan ikhlas untuk menolong mereka yang perlukan bantuan. Sikap bantu-membantu dan tolong-menolong oleh yang berada kepada yang tidak berada dan yang berkebolehan kepada yang tidak berkebolehan akan membuka jalan bagi mewujudkan sebuah masyarakat yang anggota-anggotanya akan hidup dalam suasana muhibbah dan berbaik-baik dan lebih maju. Di dalam konteks negara kita yang rakyat dan penduduknya terdiri dari berbilang kaum sikap suka bantu-membantu dan bekerjasama ini amatlah diperlukan di semua bidang kemajuan dan hendaklah dipraktikkan selalu, dan inilah salah satu jalan yang berkesan untuk kita lebih cepat mencapai matlamat perpaduan rakyat negara ini.

Saya sukacita mendapat tahu syarikat-syarikat Datuk Keramat Smelting Berhad Pulau Pinang dan Socoil Corporation Berhad tiap-tiap satunya telahpun menderma \$5,000/- dan seorang dari bekas guru Penolong Kanan sekolah ini, Puan Tan Soo Hai, telah menderma \$6,000/-. Sumbangan-sumbangan ini amat besar ertinya dan sungguh menggalakkan, dan saya berharap lebih banyak syarikat dan orangramai **serta** ibubapa terutama mereka yang **terdiri** dari murid-murid tua sekolah ini yang berkemampuan akan turut menghulurkan derma masing-masing dengan ikhlas supaya rancangan pembangunan sekolah ini dapat dilaksanakan dengan penuh kejayaan. Bagi pihak Kementerian Pelajaran bantuan untuk projek ini akan dipertimbangkan bersama dengan permohonan-permohonan yang lain yang datang dari banyak sekolah di seluruh negara yang juga mempunyai keutamaan masing-masing.

Pada malam yang berbahagia ini saya juga ingin menarik perhatian tuan-tuan dan puan-puan bahawa disamping kita berusaha memajukan pelajaran anak-anak kita mudah terdedah kepada pengaruh-pengaruh yang tidak diingini seperti ketagihan dadah dan beberapa yang lain yang boleh melemahkan pelajaran dan merosakkan akhlak anak-anak kita. Tidak ada gunanya memiliki wang atau kekayaan yang banyak jikalau anak-anak kita tidak berbudi-pekerti dan berakhlak yang mulia dan tidak berilmu. Saya dapati sekolah ini amat menitikberatkan tentang pendidikan akhlak di samping pelajaran akademik murid-murid. Saya berharap usaha ini diteruskan supaya anak-anak kita berilmu dan akhlak mereka lebih terjamin. Berhubung dengan ini ibubapa juga mesti memainkan peranan masing-masing dan memainkannya dengan berkesan.

(tambahan)

PEN. 9/77/99 (TPM)
(hubungan 3)

Akhir kata saya mengucapkan setinggi penghargaan kepada pihak Pentadbir sekolah-sekolah Christian Methodist kerana mereka telah menerima Dasar Pelajaran Kebangsaan dan penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar sejak awal-awal lagi. Keputusan yang diambil oleh pihak Pentadbir Sekolah-sekolah Christian Methodist ini memudahkan perhubungan diantara pihak Pentadbir Sekolah dan Kerajaan, dan yang lebih penting ialah menjadikan lebih mudah bagi Kerajaan melaksanakan dasar pelajaran negara ini. Pada masa ini Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar telah digunakan sepenuhnya sehingga ke Tingkatan Dua di semua sekolah menengah bantuan Kerajaan, dan saya berpuashati dengan kemajuan yang tercapai, dan ibubapa juga berpuashati dengan kemajuan yang dicapai di sekolah-sekolah seperti di Sekolah Menengah Methodist Perempuan Kuala Lumpur ini. Saya berharap pada hari yang berbahagia ini pihak Sekolah, guru-guru dan ibubapa akan terus berazam untuk berusaha mengikut peranan masing-masing dengan lebih bersungguh l bagi memajukan pelajaran anak-anak mereka di bawah dasar dan sistem pelajaran yang telah sama-sama kita terima dan sedang berjalan sekarang.

Mudah-mudahan dengan keazaman baru dan usaha yang lebih bersungguh maka lebih cepat kita akan mencapai matlamat negara iaitu mewujudkan sebuah negara yang maju dan rakyatnya bersatu padu.

Terimakasih.

KUALA LUMPUR,
26hb. September, 1977. (dikeluarkan pada pukul 1.00 t/hari)

mav/maz
